Hubungan kognat juga terjadi lebih daripada dua bahasa. Contohnya, kata *mouse* dalam bahasa Inggris memiliki kemiripan dengan bahasa Indo-Eropah yang lain seperti *mus* (bahasa Sweden), *maus* (bahasa Jerman), *muis* (bahasa Belanda), *mūs* (bahasa Latin), *mûs* (bahasa Greek Klasik), *myš* (bahasa Rusia), *mysz* (bahasa Poland), dan *miš* (bahasa Serbo-Croatia) (Ruhlen, 1994: 17-18). Menurut Gudschinsky (1956: 180), hubungan kognat yang betul adalah perkataan yang berkongsi atau lahir dari keluarga bahasa yang sama dan hanya melalui hubungan kognat yang sebenar dapat dijadikan bukti konkrit hubungan genetik sesuatu bahasa. Namun begitu, persamaan bentuk dan bunyi tidak semestinya menghalu kepada hubungan kognat. Persamaan ini juga dikenali sebagai *false cognate*.

False cognate umumnya ditakrifkan sebagai pasangan kata yang memiliki bentuk yang sama, namun berbeza dari segi etimologi dan makna dalam bahasa yang berbeza (Nida, 2000: 130; Domínguez & Nerlich, 2002: 368). Contohnya, kata *cat* dalam bahasa Inggris bermaksud 'kucing' dan *cat* dalam bahasa Melayu yang merujuk kepada 'cecair berwarna yang digunakan untuk mewarnai sesuatu'. Kedua-dua perkataan ini memiliki persamaan dari segi bentuk, tetapi berbeza dari segi makna serta berasal dari rumpun bahasa yang berbeza. Oleh itu, kedua-dua perkataan itu tidak bersifat kognat atau lebih tepat jika disebut sebagai 'kognat palsu'.

Dalam hal ini, perbezaan ejaan perlu difahami kerana setiap ejaan mencerminkan sebutan. Perkembangan bahasa juga melahirkan sistem sebutan yang berbeza. Contohnya, *Buku Katan Kamus Melayu* mencatatkan kata *mati* yang digunakan dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Arab, iaitu *maut* (Said, 1936/2002: 656). Bahasa Melayu telah menggunakan kedua-dua bentuk kata, iaitu *mati* dan *maut* bagi merujuk kepada 'kematian'. Berdasarkan *A Comprehensive Persian-English Dictionary*² (1892: 1340), kata *maut* yang merujuk kepada 'kematian'. Dalam bahasa Sepanyol juga wujud kata *mortal* yang merujuk kepada 'mati' (Henri & Goursau, 1989: 196). Kewujudan bentuk leksikal yang hampir sama atau mirip antara kata *maut* (bahasa Arab) dan *mortal* (bahasa Sepanyol) memberi gambaran bahawa kedua-dua bentuk kata itu berasal daripada sumber atau akar yang sama, iaitu Indo-Eropah dan kemiripan antara kata *maut* (bahasa Melayu) dan *mate* (bahasa Maori) adalah menerusi proses peminjaman perkataan.

Bahasa Melayu banyak menerima pengaruh daripada pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Sanskrit, Arab, Hindi, Tamil, Parsi, Portugis, Cina, dan bahasa serumpun, seperti Jawa, Sunda dan lain-lain (Noresah et al., 2009: 43). Heah (1989: 8) mendefinisikan peminjaman kata sebagai proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa yang lain ke dalam konteks yang lain. Fromkin et al. (2003: 505) pula menjelaskan peminjaman berlaku apabila sesebuah bahasa ingin menambah perkataan baharu atau morfem daripada bahasa lain ke dalam leksikannya. Menurut Campbell (2004: 63), peminjaman merujuk kepada item leksikal (perkataan) yang 'dipinjam' daripada bahasa yang lain, perkataan yang pada awalnya bukan sebahagian

² Kamus *A Comprehensive Persian-English Dictionary* dihasilkan oleh Francis Joseph Steingass pada tahun 1892. Beliau dilahirkan pada 16 Mac 1825 di Jerman dan meninggal dunia pada Januari 1903. Beliau merupakan ahli linguistik Inggeris dan orientalis berketurunan Yahudi Jerman.

daripada perbendaharaan kata bahasa penerima, tetapi digunakan dan dijadikan sebahagian daripada kamus bahasa peminjam.

Aitchison (1991: 141) pula menyatakan bahawa peminjaman kata adalah sesuatu yang agak mengelirukan kerana ia menjelaskan bahawa elemen yang dimaksudkan diambil dari bahasa penderma untuk jangka waktu yang terhad dan kemudian dikembalikan, tetapi keadaan ini sama sekali tidak berlaku. Item itu sebenarnya lebih sesuai dikatakan disalin dan bukannya dipinjam. Hal ini bertepatan dengan takrifan yang tercatat dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat, iaitu *pinjam* membawa maksud ‘memberikan sesuatu untuk dipakai buat sementara waktu dan sesudah itu perlu dikembalikan’ (KDIV, 2015: 1211). Namun begitu, istilah ‘peminjaman perkataan’ ini berbeza dengan maksud sebenar bagi perkataan *pinjam*.³ Peminjaman perkataan daripada bahasa asing ini bermaksud peminjaman secara terus dan tidak perlu dipulangkan kepada bahasa yang memberi pinjam. Hal ini demikian kerana, penggunaan sesebuah kata pinjaman itu akan terus digunakan oleh sesebuah masyarakat sehingga bahasa atau masyarakat pupus atau lenyap. Berkemungkinan juga perkataan yang dipinjam beransur-ansur akan mengalami perubahan sehingga tidak diketahui lagi tentang asal usulnya sekiranya perubahan yang berlaku itu terlalu ketara.

Di samping itu, McMahon (1994: 201) menyatakan bahawa motif peminjaman yang paling umum dan jelas adalah disebabkan keperluan semata-mata. Penutur mungkin harus menggunakan perkataan daripada bahasa lain bagi merujuk kepada objek atau konsep yang tidak dikenali atau tidak ada dalam bahasa mereka sendiri. Keperluan ini mungkin disebabkan oleh informasi atau teknologi baharu, hubungan dengan flora dan

³ Dalam penulisan ini, pengkaji menggunakan konsep pinjaman atau peminjaman, berkemungkinan akan timbul konsep serapan yang juga membawa konsep yang sama.

fauna atau budaya asing. Begitu juga dengan istilah makanan dan barang pembuatan yang diimport daripada budaya lain adalah pinjaman yang sangat kerap atau baharu dalam hampir semua budaya dan hampir berlaku pada semua tempoh sejarah (Durkin, 2009: 46). Bloomfield (1935) menyatakan bahawa bentuk peminjaman ini merupakan sebuah bentuk peminjaman budaya, satu kumpulan penutur meminjam objek atau konsep daripada bahasa yang lain dan namanya cenderung untuk dipinjam bersama (McMahon, 1994: 201).

Menurut Bloomfield (1983: 282), kata-kata yang penting secara budaya bukan hanya diambil alih secara fizikal, tetapi sering ditiru. Contohnya, bahasa Inggeris meminjam kata *pyjamas* daripada bahasa Hindi yang bermaksud ‘seluar’. Menurut Aytö (2005: 404), kata *pyjamas* yang digunakan dalam bahasa Inggeris berasal daripada bentuk bahasa Hindi, iaitu *pāejāma*. Kata *pāejāma* terbentuk daripada dua kata, iaitu *pāī* ‘kaki’ daripada bahasa Parsi dan *jāmah* merujuk kepada ‘pakaian’. Kata *pyjamas* merujuk kepada sejenis seluar yang longgar yang dipakai oleh masyarakat di India dan Timur Tengah, manakala orang Eropah memakai pakaian tersebut ketika tidur. Mereka membawa kembali ke Eropah dan ditambah dengan jaket atau baju lalu menerbitkan istilah *pyjamas*.⁴ Perubahan-perubahan pada bentuk ejaan menggambarkan bahawa sesebuah perkataan itu boleh tercipta daripada pelbagai bahasa sehingga mewujudkan makna yang baharu.

⁴ Menurut Ali Nourai (2003), kata *pyjamas* dalam bahasa Inggeris berasal daripada bahasa Parsi, iaitu *pa-jameh* seterusnya masuk ke dalam bahasa Hindi dan masuk ke dalam bahasa Inggeris. Bahasa Parsi meminjam bentuk daripada bahasa Inggeris membentuk *pijameh* (Ali Nourai, 2003: 383).

Peminjaman perkataan daripada bahasa asing juga disebabkan oleh keperluan dan prestij atau martabat (*prestige*) (Campbell, 2013: 56; Durkin, 2014: 72). Peminjaman istilah asing juga dikatakan lebih dihargai.⁵ Sebagai contoh, bahasa Inggeris (BIng) yang dahulunya menggunakan *pig meat* telah meminjam perkataan *pork* (BIng) daripada bahasa Perancis, iaitu *porc*. Peminjaman ini berlaku disebabkan orang Inggeris menganggap bahasa Perancis mempunyai status sosial yang lebih tinggi dan lebih berprestij daripada bahasa Inggeris semasa zaman penguasaan Perancis Norman di England (1066-1300 M) (Campbell, 2013: 57-58). Hal ini selari dengan pernyataan Bolinger (1968: 91) bahawa jarang sekali penutur bahasa yang lebih tinggi tamadunya meminjam daripada bangsa yang lebih rendah tamadun daripadanya. Perbincangan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peminjaman perkataan akan dipanjangkan lagi dalam bahagian definisi operasional yang merangkumi aspek pertembungan bahasa (cf. 1.10.2).

Peminjaman perkataan daripada bahasa lain dalam bahasa Melayu dapat dijejaki menerusi *A Malay-English Dictionary* yang dihasilkan oleh Wilkinson (1901, 1902), *An Unabridged Malay-English Dictionary* oleh Winstedt (1959), dan *Buku Katan Kamus Melayu* dihasilkan oleh Said (2002). Ketiga-tiga kamus tersebut banyak menyenaraikan perkataan pinjaman daripada bahasa asing. Peminjaman yang berlaku ini berkait rapat dengan aspek pertembungan bahasa antara bahasa-bahasa dunia yang lain dengan bahasa Melayu. Oleh itu, peminjaman perkataan daripada pelbagai bahasa ini perlu diteliti semula dari sudut etimologi. Perjalanan perkataan dapat dilihat melalui pinjaman sedar atau tidak sedar (bersistem seperti dalam *Pedoman Pembentukan*

⁵ Walau bagaimanapun, peminjaman perkataan tidak hanya terhad kepada item leksikal semata-mata malah sebarang bentuk linguistik seperti bunyi, peraturan fonologi, morfem tatabahasa, corak sintaksis, semantik, strategi wacana atau apa sahaja boleh dipinjam, iaitu boleh diambil alih dari bahasa asing sehingga menjadi bahagian bahasa peminjam.

Istilah Bahasa Melayu) melalui pertembungan dan penukaran kod yang dapat dijejaki menerusi kajian etimologi.

Bynon (1977: 62) mentakrifkan etimologi sebagai usaha menyusun sejarah bentuk dan makna perkataan. Sejarah dan semantik perkataan perlu dijejak sepanjang edaran masa sehingga mencapai akar atau sumber pinjaman sekiranya perkataan yang dikaji itu ialah kata pinjaman. Bagi Ruhlen (1991: 2), etimologi perkataan mempunyai persamaan bentuk dari pelbagai bahasa yang berbeza secara semantik dan fonetik, dan persamaannya dijelaskan melalui hipotesis asal usul. Liberman (2009: 14) dan Malkiel (2012: 4) menjelaskan bahawa etimologi merupakan kajian berkaitan asal usul perkataan dan bagi Mailhammer (2007: 143; 2013: 1), etimologi juga merupakan asas kepada kajian tentang sejarah bahasa. Pemfokusan penelitian etimologi dari sudut sejarah turut diperkatakan oleh Durkin (2009: 1) dan Algeo (2009: 286) bahawa etimologi merupakan suatu bidang yang menyiasat sejarah perkataan.

Sebenarnya, kata etimologi berasal daripada bahasa Yunani yang membawa maksud ilmu mencari kebenaran. Kebenaran yang dicari ini perlulah ditentukan dengan menunjukkan bagaimana dan bila sesuatu bahasa itu digunakan (Mailhammer, 2013: 2). Tumpuan terhadap ilmu ini mampu merungkai sejarah sesebuah perkataan yang dikaji. Menurut Stockwell & Minkova (2001: 86), etimologi ialah kajian yang melibatkan sejarah dan perubahan yang dihadapi dalam sesebuah kata serta penelitian terhadap makna perkataan.

Berdasarkan penelitian terhadap konsep-konsep yang dikemukakan oleh para sarjana bahasa, dapat dirumuskan bahawa etimologi ialah cabang linguistik yang mengkaji asal usul perkataan dengan menerangkan secara jelas tentang sejarah perkembangan perkataan, perubahan bentuk dan makna bagi sesebuah perkataan. Campbell (2013: 4) menyatakan bahawa kajian sejarah bahasa perkataan lebih tepat disebut sebagai kajian etimologi. Dalam hal ini, dapat dikatakan juga bahawa tujuan linguistik sejarah bukanlah untuk etimologi semata-mata, tetapi etimologi tepat adalah produk penting dalam linguistik sejarah.

Menurut Jones (1990), kajian sejarah bahasa Melayu sebenarnya perlu bermula dengan kajian sejarah tulisannya. Begitu juga dengan kajian etimologi yang secara jelas mencakupi pelbagai bidang, iaitu linguistik sejarawi, leksikologi, filologi, dan semantik. Collins (2003: 2-8) menegaskan bahawa kajian etimologi perlu membincangkan perubahan-perubahan serta pergerakan yang berlaku pada sesebuah perkataan dan tidak hanya sekadar menyenaraikan perkataan yang terserap dalam sesuatu bahasa sahaja. Sebagai contoh, kata *kopi* mempunyai bentuk yang berbeza seperti *kahveh* (bahasa Turki) dan *qahwah* (bahasa Arab), tetapi tetap merujuk kepada yang sama, iaitu *kopi*. Hal ini selari dengan pernyataan Ayto (2005: 118) bahawa kata *kopi* berasal dari Timur Tengah (negara Turki dan Arab termasuk dalam wilayah Timur Tengah). Ayto (2005: 1818) menjelaskan bahawa kata *coffee* masuk ke dalam bahasa Inggeris melalui bentuk *caffè* dalam bahasa Itali (BIta). Perubahan bentuk ejaan berlaku setelah perkataan itu bergerak melalui banyak negara. Pergerakan perkataan merentasi sempadan negara menyebabkan wujud sebutan yang berbeza, tetapi tetap mempunyai hubungan yang jelas antara satu sama lain.

Collins (2003: 4) juga menimbulkan tanda tanya tentang kemasukan kata *kopi* dalam bahasa Melayu, iaitu sama ada daripada bahasa Inggeris atau Belanda. Namun begitu, jalur peminjaman yang ditunjukkan oleh Collins (2003: 4) dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut.

Jadual 1.1: Etimologi Kata *Kopi* dalam Bahasa Melayu

kopi [BM] ← *koffie* [BBel] ← *caffè* [BIta] ← *kahveh* [BTur] ← *qahwah* [BAr] ← *kaffa* [bahasa Ethiopia/Habsyah] merujuk kepada daerah di Ethiopia/Habsyah

Berdasarkan jalur etimologi dalam Jadual 1.1, dapat dikatakan bahawa Collins (2003) lebih cenderung untuk menyatakan bahawa kata *kopi* dipinjam daripada bahasa Belanda. Berkemungkinan Collins (2003: 4) meninggalkan tanda tanya berkaitan asal usul kata ini untuk pengkaji seterusnya berfikir dan meneliti semula tentang kewujudan kata *kopi* dalam bahasa Melayu. Sememangnya hal ini perlu dibincangkan semula kerana persoalan yang ditimbulkan oleh Collins perlu dijawab supaya lebih jelas.

Said (1936/2002: 546) mencatatkan bahawa kata *kopi* yang digunakan dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Inggeris. Menurut pengkaji, terdapat dua faktor yang menyebabkan Said mencatatkan kata itu dipinjam daripada bahasa Inggeris, iaitu, pertama, kamus tersebut hanya mencatatkan penggunaan perkataan pada zaman tersebut. Kedua, berkemungkinan pandangan Said (2002) tentang kata *kopi* berasal daripada bahasa Inggeris disebabkan oleh pengalaman atau pengetahuan beliau tentang penggunaan kata *kahwa* yang seterusnya berubah kepada kata *kopi* setelah dipengaruhi oleh bahasa Inggeris (Taufiq & Aniswal, 2021: 46-49).

Pada pandangan pengkaji, kecenderungan Collins dengan menyatakan bahawa kata *kopi* dipinjam daripada bahasa Belanda mungkin disebabkan oleh faktor sejarah kerana Belanda terlebih dahulu menjajah Tanah Melayu sebelum kedatangan Inggeris. Seperti yang telah dijelaskan oleh Algeo (2009: 263), kata *coffee* dalam bahasa Inggeris dipinjam daripada bahasa Turki atau mungkin juga daripada bahasa Belanda. Jika kata *coffee* yang wujud dalam bahasa Inggeris dipinjam daripada bahasa Belanda, maka kata *kopi* yang wujud dalam bahasa Melayu sudah tentu melalui bahasa Belanda. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Inggeris meminjam kata *coffee* daripada bahasa Belanda dan jika diteliti dari sudut sejarah, Belanda terlebih dahulu datang ke Kepulauan Melayu. Oleh itu, kekeliruan tentang kemasukan kata *kopi* dalam bahasa Melayu sudah terjawab melalui catatan Algeo (2009: 263).

Perbincangan berkaitan perkataan ini boleh dipanjangkan lagi dengan bukti-bukti yang berkaitan, iaitu dengan meneliti penggunaan kata *coffee* dalam bahasa Inggeris. Perbincangan kata *coffee* dalam *Online Etymology Dictionary* (OED) dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut.

Jadual 1.2: Etimologi Kata *Coffee* dalam Bahasa Inggeris (OED)

Coffee

“drink made from the ground and roasted seeds of a tree originally native to Arabia and Abyssinia,” c. 1600, from Dutch *koffie*, from Turkish *kahveh*, from Arabic *qahwah* ‘coffee,’ which Arab etymologists connected with a word meaning “wine,” but it is perhaps rather from the *Kaffa* region of Ethiopia, a home of the plant (coffee in *Kaffa* is called *būno*, which itself was borrowed into Arabic as *bunn* “raw coffee”). The early forms of the word in English indicate a derivation from Arabic or Turkish: *chaoua* (1598), *cahve*, *kahui*, etc. French *café*, German *Kaffe* are via Italian *caffè*.


Sumber: Dicapai daripada <https://www.etymonline.com/search?q=coffee>

Jadual 1.2 memperlihatkan asal usul kata *coffee* yang masuk ke dalam bahasa Inggeris (BIng) dalam lingkungan 1600 daripada bahasa Belanda (BBel), iaitu *koffie*. Sebelum 1600, wujud beberapa bentuk yang merujuk kepada konsep yang sama dalam bahasa Inggeris seperti *chaoua*, *cahve*, dan *kahui*. Bahasa Belanda pula meminjam kata *koffie* daripada bahasa Turki (BTur), iaitu *kahveh* yang meminjamnya daripada bahasa Arab (BAr), *qahwah*. Menurut Algeo (2009: 263), kata *coffee* yang wujud dalam bahasa Inggeris berkemungkinan masuk ke dalam bahasa itu melalui dua bahasa, iaitu sama ada melalui bahasa Turki atau bahasa Belanda. Oleh hal yang demikian, maklumat etimologi kata *coffee* dapat disusun seperti dalam jadual yang berikut.

Jadual 1.3: Etimologi Kata *Coffee* dalam Bahasa Inggeris

coffee [Skrip Inggeris] c1600. ← *koffie* [Skrip Belanda] ← *kahveh* [Skrip Turki] ← *qahwah* [Skrip Arab] ← *kaffa* [bahasa Ethiopia/Habsyah] merujuk kepada daerah di Ethiopia/Habsyah

Gambaran tentang lokasi arah pergerakan kata *kopi* dapat diperlihatkan seperti dalam gambar rajah yang berikut.



Gambar Rajah 1.1: Pergerakan Kata *Kopi*

Sebenarnya, sebelum menggunakan kata *kopi*, masyarakat Melayu terlebih dahulu menggunakan kata *kahwa* yang merujuk kepada *coffee*. Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan yang terdapat dalam kamus KDIV (2005: 654) yang menjelaskan bahawa kata *kahwa* merujuk kepada 'sejenis tumbuhan (pokok renek) atau buahnya kopi'. Hal ini menjelaskan bahawa kata *kahwa* sudah digunakan oleh masyarakat di Alam Melayu melalui pengaruh bahasa Arab. Sebenarnya perbincangan kata *kahwa* ini tidak dihuraikan dengan lebih jelas oleh Collins (2003: 77). Said (1936/2002: 493) mencatatkan kata *qahwa* atau *qahwah* (skrip Arab) dipinjam daripada bahasa Arab. Kata ini telah dipelatkan oleh orang Eropah sehingga menjadi sebutan *coffee*.

Terdapat catatan China yang menyatakan bahawa para pedagang Arab singgah di perairan Asia Tenggara bagi melakukan aktiviti perdagangan dan masyarakat Arab juga sudah berada di Sumatera sejak abad ketujuh Masihi (Hashim, 1999). Penjelasan ini menjadi bukti bahawa kata *kahwa* telah digunakan lebih awal sebelum masuknya kata *kopi* menerusi bahasa Belanda. Sebenarnya, perkataan ini telah dijejak penggunaannya dalam *Hikayat Amir Hamzah* (HAH) sekitar pada abad ke-15 atau awal abad-16. Penggunaan kata *kahwa* yang ditemukan dalam HAH dapat diperlihatkan seperti jadual yang berikut. Penggunaan kata *kahwa* mungkin digunakan di kawasan-kawasan tertentu atau dengan kata lain berkemungkinan juga perkataan ini tidak digunakan secara menyeluruh di Alam Melayu. Perlu diketahui bahawa kajian etimologi tidak boleh mengetepikan maklumat pengguna bahasa. Hal ini bermaksud, sebarang maklumat daripada pengguna bahasa perlu diambil kira kerana tidak ada catatan bertulis yang lengkap bagi kata *kahwa*. Sebenarnya, kata *kahwa* pernah digunakan dan didengari sendiri oleh orang terdekat pengkaji. Beliau yang lebih berusia memberitahu bahawa kata *kahwa* digunakan pada 50 tahun dahulu oleh ibu saudaranya dan penggunaan kata ini masih segar dalam ingatannya. Berkemungkinan perkataan itu hanya terhad kepada penutur bahasa Melayu di kawasan tertentu sahaja, namun tetap digunakan dan wujud kerana terdapat catatan dalam banyak kamus tentang penggunaan kata *kahwa* dalam bahasa Melayu.

Di samping itu, penelitian dari sudut sejarah perdagangan antara negara Arab dan Alam Melayu perlu diterokai semula. Menurut Collins (2003: 12), kajian etimologi perlu meneliti aspek sejarah dan geografi bahasa. Hashim (1999: 3) menyatakan bahawa sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu berkait rapat dengan hubungan perdagangan. Jika diteliti *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI), terdapat juga kata

kahwa dalam entri kamus tersebut yang merujuk kepada ‘kopi’. Oleh itu, tidak mustahil untuk kata *kahwa* ini terlebih dahulu wujud dan digunakan dalam bahasa Melayu sebelum kata *kopi* dan kemasukannya adalah terus daripada bahasa Arab. Jelaslah, pertembungan antara dua masyarakat yang berbeza sudah tentu akan menyebabkan proses peminjaman perkataan yang seterusnya membawa kepada proses evolusi bentuk kata seperti kata *kahwa* yang berubah kepada bentuk *kopi*.

Menurut Collins (2003: 77), kadangkala perkataan yang sama boleh dipinjam dua kali, kali pertama daripada bahasa asalnya dan kali kedua melalui bahasa lain. Namun begitu, adakala sesebuah perkataan masuk ke dalam bahasa lain dan tidak semestinya masuk melalui bahasa asal. Contohnya, kata *kamsen* dipinjam daripada bahasa Hindi, iaitu *kamīśan* yang digunakan lebih awal dalam bahasa Melayu sebelum kata *komisen* masuk ke dalam bahasa Melayu menerusi bahasa Inggeris. Berbalik kepada perbincangan kata *kahwa*, Collins (2003: 77) menyatakan bahawa perkataan itu digunakan dalam bahasa Melayu dipinjam daripada perkataan Arab, tetapi kata *kopi* yang merupakan dipinjam daripada bahasa Inggeris *coffie* atau Belanda *koffie*. Perubahan ejaan mencerminkan perubahan sebutan yang dipengaruhi oleh bahasa yang meminjam, iaitu bahasa Melayu. Dalam hal ini, sistem ejaan pada sesuatu masa perlu diberi perhatian. Oleh itu, gambaran jalur peminjaman kata *kahwa* dalam bahasa Melayu dapat ditunjukkan seperti jadual yang berikut.

Jadual 1.4: Etimologi Kata *Kahwa* dalam Bahasa Melayu

kahwa [BM] ← *qahwah* [BAr] ← *kaffa* [bahasa Ethiopia/Habsyah] merujuk kepada daerah di Ethiopia/Habsyah

Berbalik kepada sejarah kemasukan kopi ke Alam Melayu. Terdapat satu persoalan penting yang perlu ditimbulkan, iaitu, bagaimanakah penyebaran kopi ini berlaku? Jika diteliti dari sudut sejarah dan geografi, empayar Islam Uthmaniyah bertempat di Turki merupakan sebuah negara yang bersempadan dengan benua Eropah dan Asia. Laut Mediterranean atau Laut Tengah menjadi laluan bagi aktiviti perdagangan dan pertukaran budaya. Biji kopi juga merupakan salah satu barangan perdagangan pada zaman tersebut. Zaman Pembaharuan (*Italy Renaissance*) ialah zaman kebangkitan Eropah dari segi perdagangan dan keilmuan. Kebangkitan Eropah dapat dilihat melalui penubuhan Syarikat Hindia Timur Belanda (*Dutch East India Company*) yang menjadi kuasa perdagangan dunia. Perkembangan aktiviti perdagangan ini telah membawa *kopi* ke seluruh benua. Aktiviti perdagangan ke seluruh benua telah menyebabkan kata *kopi* mengalami perubahan dari segi bentuk sekali gus mengubah cara sebutan.

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa kata *kopi* berakar daripada bahasa Arab. Perbincangan etimologi kata *kopi* yang ditunjukkan oleh Collins (2003) mempunyai persamaan dengan catatan dalam *etymonline*. Namun begitu, kajian ini tidak dapat mengelak daripada kemungkinan seperti yang dibincangkan oleh Algeo (2009: 263) bahawa kata *coffee* masuk ke dalam bahasa Inggeris melalui dua bahasa, iaitu sama ada melalui bahasa Turki atau Belanda.

Terdapat satu persoalan yang perlu dijawab dan dibincangkan, iaitu tentang kali pertama kemunculan bagi sesebuah perkataan. Kemunculan awal bagi sesebuah kata dapat dijejaki melalui teks-teks Melayu. Berdasarkan catatan, kata *kopi* muncul dalam teks Melayu lama, iaitu dalam *Kisah Pelayaran* pada halaman 56 (Collins, 2003: 168). Catatan kemunculan kata ini sebenarnya agak lewat berbanding tempoh kedatangan

Belanda di Tanah Melayu. Teks ini menjadi bukti bahawa kata *kopi* digunakan sejak abad ke-19 atau lebih awal daripada tempoh tersebut. Apabila melakukan kajian etimologi kata *kopi*, sistem ejaan, fonologi, morfologi, dan semantik perlu difahami dengan lebih jelas.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kata *haus* dan *house* mempunyai pertalian disebabkan sistem bahasa yang hampir sama dan tergolong dalam kelompok keluarga bahasa yang sama (pemahaman dari sudut sejarah bahasa). Oleh itu, pemahaman terhadap sistem bahasa dan budaya atau konteks sosial menjadi faktor utama dalam kajian etimologi bagi memperoleh maklumat mengenai sesebuah kata yang dikaji tidak kira sama ada dari segi makna, tarikh atau masa kemunculan perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu. Jelaslah bahawa menjejaki perjalanan perkataan sangat rumit disebabkan perbezaan bahasa, sejarah, dan kurangnya bahan-bahan yang boleh dijadikan sumber rujukan. Hal ini selaras dengan pernyataan Hartmann & Gregory (1998: 52) yang berpandangan bahawa kajian etimologi sangat sukar dan kadang-kadang mustahil untuk menentukan 'etimon' tepat bagi sesebuah perkataan tertentu.

Menurut Collins (2003: 77), setiap kajian yang bersangkutan dengan etimologi perlulah menjawab setiap persoalan tentang sesebuah kata sama ada dipinjam terus, iaitu secara langsung atau kata itu masuk melalui bahasa lain. Seperti kata pinjaman *kopi* dalam bahasa Melayu, kata *dewan* juga turut mengalami situasi yang sama. Beg (1982) yang menjalankan kajian tentang kata pinjaman telah menyenaraikan banyak perkataan Parsi dalam bahasa Melayu, antaranya ialah kata *dewan*. Menurut Collins (2003: 81), kata *dēvān* yang digunakan dalam bahasa Parsi masuk ke dalam bahasa

Melayu melalui dua sumber, iaitu bahasa Arab atau bahasa Hindi. Kata *dēvān* yang digunakan dalam bahasa Parsi masuk ke dalam bahasa Arab sebelum abad kesembilan Masihi sebagai *diwan* (Yule & Burnell, 1886: 309-109). Maksud *dēvān* yang tercatat dalam *Oxford English Dictionary* (1986: 774) dan Yule & Burnell (1886) bermaksud ‘kumpulan lembaran bertulis’. Namun begitu, setelah perkataan ini masuk ke dalam bahasa Arab maknanya telah berubah kepada ‘tempat dokumen rasmi terutama berkaitan dengan kewangan’. Berkemungkinan makna perkataan ini masuk ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Hindi atau Arab. Dalam bahasa Melayu, kata *dewan* bermaksud ‘tempat rasmi’ atau ‘badan rasmi’ (Collins, 2003: 82).

Sebenarnya, perubahan tentang makna kata *dewan* perlu dilihat semula kerana wujud makna yang lebih luas dalam *A Comprehensive Persian-English Dictionary* (ACPED). ACPED (1892: 555) mencatatkan kata *diwān* atau ديوان bermaksud ‘mahkamah istana; tribunal keadilan atau hasil; dewan negara, senat; buku akaun; buku gaji atau ketenteraan; kumpulan puisi dalam susunan abjad huruf akhir pelbagai sajak; dan pelbagai koleksi yang dihasilkan oleh pengarang yang berbeza’. Makna yang dikemukakan oleh Yule & Burnell (1886) yang dirujuk oleh Collins (2003) tidak sepenuhnya sama dengan makna yang terkandung dalam ACPED. Perbezaan ini mungkin disebabkan maklumat dalam ACPED telah dikemas kini dengan penambahan beberapa maklumat baharu atau mungkin juga Yule & Burnell (1886) terlepas pandang tentang maklumat tersebut. Sebenarnya, sumber utama diperlukan dalam meneliti makna sebenar bagi sesebuah perkataan pinjaman.

Terdapat kepelbagaian jalur peminjaman sehingga menerbitkan bentuk ejaan dan makna yang pelbagai daripada kata *dēvān*. Collins (2003) menyatakan berkemungkinan kata *dewan*, *duane*, *dipan* dan *diwani* lahir daripada perkataan Parsi, iaitu *dēvān*. Terdapat empat jalur peminjaman yang dikemukakan oleh Collins (2003), Pertama, kata *dēvān* terlebih dahulu dipinjam oleh bahasa Arab dan seterusnya masuk ke dalam Melayu melalui bahasa Arab membentuk *dewan* yang bermaksud ‘balai tempat diadakan majlis seperti forum, ceramah; badan atau lembaga yang memberi nasihat’.

Kedua, kata *dēvān* masuk ke dalam bahasa Arab membentuk *diwan*, kemudian bahasa Sepanyol (BSep) meminjam daripada bahasa Arab membentuk *aduanā* (mungkin mengalami percantuman dengan kata Arab /al/ lalu membentuk kata *aduanā*), bahasa Perancis (BPer) meminjam daripada bahasa Sepanyol membentuk kata *douane* dan seterusnya bahasa Belanda meminjam daripada bahasa Perancis membentuk *douane* yang bermaksud ‘balai dan urusan kastam’, dan seterusnya bahasa Melayu meminjam daripada bahasa Belanda (BBel) menerbitkan kata *duane* yang bermaksud ‘IB tempat memungut cukai, kastam’.

Ketiga, kata *diwan* daripada bahasa Arab masuk ke dalam bahasa Turki (BTur) membentuk *divan* seterusnya bahasa Perancis meminjam daripada bahasa Turki membentuk *divan* dan kata ini sekali lagi masuk ke dalam bahasa Belanda *divan* [difan] dan barulah masuk ke dalam bahasa Melayu membentuk kata *dipan* bermaksud ‘IB sejenis bangku panjang rendah’. Keempat, kata *dēvān* mengalami perubahan setelah masuk ke dalam bahasa Arab membentuk *diwani*, seterusnya bahasa Hindi meminjam daripada bahasa Arab membentuk ejaan yang sama dan akhir sekali bahasa

Melayu meminjam daripada bahasa Hindi membentuk kata *diwani* (ejaan Collins) atau *dewani* yang pada masa sekarang perkataan itu sudah menjadi arkaik. Oleh itu, jalur peminjaman kata *dēvān* yang dikemukakan oleh Collins (2003) dapat diperlihatkan seperti dalam jadual berikut.

Jadual 1.5: Jalur Peminjaman dan Perubahan Kata *Dewan* dalam Bahasa Melayu

-
- (i) *dewan* [BM] ← *diwan* [BAr] ← *dēvān* [BPars]
 - (ii) *duane* [BM] ← *douane* [BBel] ← *douane* [BPer] ← *aduana* [BSep] ← *diwan* [BAr] ← *dēvān* [BPars]
 - (iii) *dipan* [BM] ← *divan* [BBel] ← *divan* [BPer] ← *divan* [BTur] ← *dēvān* [BPars]
 - (iv) *diwani/ dewani* [BM] ← *diwani* [BHin] ← *diwani* [BAr] ← *dēvān* [BPars]
-

Sebenarnya, kepelbagaian bentuk dan makna yang wujud adalah hasil daripada perubahan perkataan yang sama. Bermula daripada satu perkataan melahirkan beberapa perkataan yang lain dengan makna dan bentuk ejaan yang berbeza. Penjelasan Collins (2003) amat bertepatan dengan perbincangan kata *kopi* sebelum ini. Terdapat dua bentuk ejaan yang merujuk kepada *kopi* dalam bahasa Melayu, iaitu *kahwa* dan *kopi*. Oleh itu, tidak menjadi suatu perkara yang mustahil untuk bahasa Melayu meminjam daripada pelbagai bahasa bagi merujuk kepada rujukan yang sama. Selain itu, pemahaman iklim dunia amat penting dalam menjejaki asal usul perkataan. Misalnya, kata *taufan*⁶ yang digunakan dalam bahasa Melayu berkemungkinan berasal atau dipinjam daripada bahasa Cina *tai-fung* (Lieberman, 2009: 132). Kata *taufan*

⁶ Kata *taufan* dalam bahasa Melayu dapat dijejak penggunaannya dalam teks Melayu lama, iaitu dalam *surat Sultan Aceh kepada Queen Elizabeth* yang ditulis dalam bentuk tulisan Arab yang bertarikh 1602 M (Hashim, 2003: 136).

(bahasa Melayu), *typhon* (bahasa Greek),⁷ dan kata *typho* (bahasa Itali) mempunyai kemiripan dari segi bentuk. Timbul persoalan berkaitan asal usul kata *taufan*, iaitu sama ada berasal daripada bahasa Cina atau Greek. Oleh itu, penelitian terhadap kejadian alam perlu dikaji semula, sama ada kejadian taufan berlaku di kawasan Eropah atau Asia. Kata *taufan* wujud hasil pembinaan kata daripada masyarakat setempat disebabkan bencana yang berlaku di kawasan mereka. Selain itu, bentuk yang wujud dalam bahasa tersebut perlu dikaji. Contohnya, bahasa Cina mempunyai banyak suku kata ‘pan’ atau ‘fan’. Oleh hal yang demikian, bunyi-bunyi yang dihasilkan dalam bahasa Cina juga perlu diteliti.

Kata *taufan* sebenarnya telah wujud dalam bahasa Arab kira-kira pada abad ketujuh. Dalam al-Quran, iaitu surah al-A’raf ayat 133, kata الطوفان *At-thuufaana* merujuk kepada *taufan* dan dalam surah al-Ankabut ayat 14 juga menyebut kata الطوفان atau *At-Tuufaanu* bermaksud ‘banjir besar (*deluge*)’ yang merujuk kepada *taufan*. Kata *at-tūfān* yang merujuk kepada *taufan* mempunyai beberapa makna, iaitu (i) air; (ii) banjir; (iii) besar; (iv) bencana; (v) mengakibatkan kemusnahan. Kata *taufan* dalam bahasa Arab tersebar ke dalam bahasa Parsi, Turki, dan bahasa di kawasan timur yang lain (Lieberman, 2009: 132). Kata *taufan* sekali lagi dapat dijejak dalam bahasa Inggeris, iaitu *typhon* menerusi *Online Etymology Dictionary* (OED).

⁷ Bahasa Yunani atau Bahasa Greek merupakan bahasa Indo-Eropah yang tertua. Bahasa ini dikenali sebagai bahasa Greek dalam bahasa Inggeris. Bahasa ini wujud sekitar tahun 1400 SM.

Jadual 1.6: Etimologi Kata *Typhon* dalam Bahasa Inggeris (OED)

Typhoon

Tiphon “violent storm, whirlwind, tornado,” 1550s, from Greek *typhon* “whirlwind,” personified as a giant, father of the winds, probably [Beekes] from or related to *typhein* “to smoke” (see typhus), but according to Watkins from PIE **dheub-* “deep, hollow,” via notion of “monster from the depths.” The meaning “cyclone, violent hurricane of India or the China Seas” is first recorded 1588 in Thomas Hickock’s translation of an account in Italian of a voyage to the East Indies by Caesar Frederick, a merchant of Venice.

The Arabic word sometimes is said to be from Greek *typhon*, but other sources consider it purely Semitic, though the Greek word might have influenced the form of the word in English. Al-tufan occurs several times in the Koran for “a flood or storm” and also for Noah’s Flood. Chinese (Cantonese) *tai fung* “a great wind” also might have influenced the form or sense of the word in English, and that term and the Indian one may have had some mutual influence; *toofan* still means “big storm” in India.

Sumber: Dicapai daripada <https://www.etymonline.com/>

Berdasarkan Jadual 1.6, bahagian perenggan kedua tersebut menceritakan tentang kata *taufan* yang berkemungkinan berasal daripada bahasa Arab dan mungkin juga berasal daripada kata *typhon* dalam bahasa Yunani. Namun, terdapat sumber lain yang menganggap bahawa kata *taufan* berasal daripada keluarga Semitik. Kata *tufan* yang tertulis dalam al-Quran merujuk kepada banjir atau ribut dan juga untuk banjir besar semasa zaman Nabi Nuh as.

Dalam bahasa Cina (Kantonis), *tai fung* yang membawa pengertian ‘angin besar’ mungkin juga telah dipengaruhi oleh bentuk atau pengertian perkataan dalam bahasa Inggeris. Begitu juga dengan bahasa Hindi yang juga menerima pengaruh daripada bahasa Inggeris dengan sebutan *toofan* yang merujuk kepada badai besar di India. Selain itu, kata *tai-fun* dalam bahasa Thailand berasal daripada kata *taifung* yang dipengaruhi oleh bahasa Kantonis. Perbincangan perkataan ini menjelaskan bahawa menjejaki asal usul kata *taufan* dalam bahasa Melayu adalah sangat rumit.

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa kajian etimologi perlu dilakukan secara menyeluruh. Campbell (2013: 56) telah menimbulkan beberapa persoalan dalam memahami keseluruhan peminjaman perkataan seperti mengapa perkataan itu dipinjam? Bagaimana peminjaman perkataan ini berlaku? Dan, bagaimana kaedah untuk mengenal pasti sumber perkataan yang dipinjam? Persoalan-persoalan ini sebenarnya menjadi asas utama dalam kajian etimologi perkataan pinjaman. Bukan itu sahaja, perubahan-perubahan yang berlaku pada sesebuah perkataan terutama dalam aspek ejaan dan makna perlu diterokai dengan lebih jelas dan mendalam. Kajian ini juga turut meneliti maklumat perkataan daripada bahasa-bahasa yang berkaitan seterusnya meneliti maklumat perkataan yang terdapat dalam manuskrip Melayu lama.

Bertitik tolak daripada perkara yang telah dibincangkan, kajian ini akan mengenal pasti kosa kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit dan bahasa Parsi dalam bahasa Melayu, menjejaki perkataan melalui kajian dokumen, dan menghuraikan perubahan-perubahan yang berlaku kepada setiap kata pinjaman yang masuk ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga akan menjelaskan jalur peminjaman bagi setiap perkataan yang dianalisis. Memang tidak dinafikan bahawa bahasa Sanskrit dan Parsi banyak mempengaruhi bahasa Melayu. Kedua-dua bahasa itu mempunyai hubungan kerana berasal daripada keluarga bahasa yang sama, iaitu Indo-Eropah. Oleh itu, kajian ini berfokus kepada peminjaman perkataan daripada dua bahasa yang berada di bawah sub kumpulan Indo-Iranian. Seterusnya, perbincangan diteruskan pula dengan permasalahan kajian.

1.3 Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa permasalahan utama yang wujud sehingga menyebabkan kajian ini perlu dilaksanakan. Antara aspek yang ditekankan dalam bahagian permasalahan ini ialah berkaitan polemik dan ketidakselarasan dalam menentukan asal usul perkataan, kurangnya kamus etimologi dan kekurangan maklumat asal usul kata pinjaman dalam kamus bahasa Melayu. Setiap masalah yang dibincangkan adalah saling berkait dan akan memberi kesan yang bukan sahaja kepada ahli bahasa, malah juga kepada masyarakat.

Permasalahan kajian ini bermula dengan polemik atau ketidakselarasan dalam menentukan asal usul sesebuah kata pinjaman. Menurut Durkin (2014: 425), cabaran dalam melakukan kajian ini adalah dalam menentukan atau mengenal pasti sesebuah kata pinjaman. Cabaran dan polemik ini dapat dilihat menerusi ketidakselarasan dalam menentukan asal usul perkataan atau kata *nama* dalam bahasa Melayu. Menurut Nathesan (2015: 89), ada pendapat yang menyatakan bahawa kata *nama* dipinjam daripada bahasa Inggeris, tetapi Asmah (1991: 141) berpandangan bahawa perkataan *nama* dipinjam daripada bahasa Sanskrit memandangkan pengaruh Sanskrit lebih awal muncul berbanding kedatangan Inggeris di Kepulauan Melayu. Perbincangan bagi kata *nama* ini juga akan dibincangkan lebih kritis lagi dalam bahagian analisis data kajian.

Sebenarnya, penelitian dari sudut sejarah semata-mata tidak mencukupi kerana perlu ada bukti lain yang boleh menjelaskan bahawa perkataan itu benar-benar wujud sebelum kedatangan Inggeris. Oleh hal yang demikian, kajian etimologi perlu meneliti